

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 18 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 13

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan status dan kejayaan Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* sebagai tulang belakang kepada Kawasan Alam Sekitar ataupun *Environmentally Sensitive Area* (ESA) di Semenanjung Malaysia untuk pemuliharaan biodiversiti dan ekosistem daripada ancaman fragmentasi hutan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Selayang, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) telah menyediakan Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (CFS) sebagai tulang belakang kepada Kawasan Alam Sekitar ataupun *Environmentally Sensitive Area* (ESA) di Semenanjung Malaysia untuk pemuliharaan biodiversiti dan ekosistem daripada ancaman fragmentasi hutan.

SOALAN NO : 13

Berdasarkan pelan induk tersebut di bawah tempoh pelaksanaan RMKe-10 dan RMKe-11 sebanyak 3 komponen utama telah dijalankan bagi pemuliharaan biodiversiti dan ekosistem daripada fragmentasi hutan iaitu:

- (i) pemulihan habitat bagi pemeliharaan/konservasi biodiversiti;
- (ii) pembinaan struktur fizikal; dan
- (iii) pelaksanaan program di kawasan koridor ekologi CFS mengikut strategi CFS.

Pelaksanaan Pelan Induk CFS melibatkan pelbagai agensi khususnya Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) di mana Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) adalah agensi peneraju utama (*lead agency*). Matlamat pelaksanaan program CFS ini telah dapat dicapai walaupun belum sepenuhnya lagi kerana program ini masih berjalan.

Pembinaan struktur fizikal melibatkan pembinaan *viaduct* di Sungai Deka di Terengganu, Sungai Yu di Pahang dan di Gerik - Kota Bharu. Pembinaan *viaduct* ini bertujuan memudahkan pergerakan haiwan tanpa mengganggu lalulintas dan mengelakkan *inbreeding*. Projek-projek fizikal yang lain adalah:

- (i) pemasangan tanda amaran hidupan liar melintas;
- (ii) pemasangan pagar elektrik;
- (iii) pembinaan *artificial salt licks*; dan
- (iv) pembinaan *speed breaker* dan lampu solar di kawasan-kawasan tumpuan dan laluan hidupan liar di sepanjang jalan raya.

Kerajaan Persekutuan telah memperuntukan RM60 juta pada RMKe-10 (2011-2015) dan sebanyak RM50 juta bagi RMKe-11 (*Rolling Plan 1*) kepada JPSM bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti yang telah dikenalpasti dalam Pelan Induk Rangkaian Koridor Ekologi CFS.

Di samping itu, pelan induk ini telah mendapat pengiktirafan di peringkat nasional dan antarabangsa iaitu Pengukuhan dan Kerjasama

SOALAN NO : 13

Antarabangsa dengan *United Nations Development Programme* (UNDP)/*Global Environment Facility* (GEF). Di mana KATS melalui JPSPM telah menerima pembiayaan sebanyak USD10 juta selama 6 tahun bermula tahun 2014-2019. Projek ini melibatkan program konservasi biodiversiti, pengurusan hutan dan tanah secara mampan.

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhan CFS ini yang melibatkan KATS di mana KWP melalui PLANMalaysia yang menyediakan pelan tersebut telah berjaya dalam memelihara alam sekitar khususnya hutan di negara ini. Di dalam masa yang sama, Kajian CFS2 iaitu Kajian Semula untuk memantapkan dan menambahbaik CFS ini akan dijalankan pada tahun ini sehingga 2021.